

PERSEPSI GURU PRASEKOLAH TERHADAP KEPENTINGAN PEMBELAJARAN SOSIOEMOSI KANAK- KANAK

Nor Ilyanah Othman
Sekolah Kebangsaan Lendu, Melaka
norilyanahwan@gmail.com

ABSTRAK

Sosioemosi merupakan salah satu domain perkembangan yang sangat penting kepada kanak-kanak. Oleh itu, guru prasekolah selaku pendidik yang paling awal memainkan peranan yang penting bagi memastikan perkembangan sosioemosi kanak-kanak dapat berkembang secara positif dan optimum. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji persepsi guru prasekolah terhadap kepentingan pembelajaran sosioemosi kanak-kanak. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dengan menggunakan kaedah kuantitatif bagi memperoleh data. Soal selidik telah diedarkan kepada 370 orang guru prasekolah KPM di Zon Selatan. Untuk kajian ini, penyelidik telah mengadaptasi soal selidik berdasarkan kajian “Tahap Kesiapan Guru Prasekolah dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sosioemosi” untuk menilai persepsi guru prasekolah terhadap kepentingan pelaksanaan pembelajaran sosioemosi kanak-kanak. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan perisian “The Statistical Package For The Social Science” (SPSS). Hasil analisis data menunjukkan bahawa nilai min bagi persepsi guru prasekolah terhadap kepentingan pelaksanaan pembelajaran sosioemosi ialah 4.41 dan sisihan piawai 0.59 dan mempunyai interpretasi yang sangat tinggi. Analisis data juga telah menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru prasekolah terhadap kepentingan pembelajaran sosioemosi berdasarkan pengalaman mengajar guru. Hasil dapatan kajian ini sangat memberi manfaat kepada pihak kementerian dan juga kepada guru-guru dalam merancang strategi pembelajaran yang lebih bermakna untuk perkembangan sosioemosi kanak-kanak.

Kata Kunci: *Sosioemosi, kanak-kanak prasekolah, pembelajaran, guru.*

PENGENALAN

Matlamat Malaysia menjadi sebuah negara maju dan berdaya saing memerlukan pendidikan yang berkualiti bermula dari peringkat awal iaitu dari prasekolah sehingga peringkat yang paling tinggi di universiti. Pendidikan awal memainkan peranan yang penting dalam usaha memperkembangkan lagi potensi kanak-kanak dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial yang bertujuan menuju sebuah negara yang seimbang dan harmonis.

Pendidikan awal adalah bertujuan untuk memperkembangkan potensi kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun secara menyeluruh, bersepadu dan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial, di mana proses perkembangan, potensi kanak-kanak ini dilaksanakan melalui persekitaran pengajaran dan pembelajaran selamat, menyeronokkan, kreatif dan bermakna (Dokumen Standard Prasekolah Kebangsaan, 2010). Bagi menanam keyakinan dan membentuk konsep sendiri dalam diri kanak-kanak, pembelajaran melalui

persekitaran yang positif perlu ditekankan justeru dapat menyuburkan dan memantapkan potensi kanak-kanak dalam semua aspek.

Perkembangan sosioemosi merupakan salah satu domain perkembangan yang sangat penting kepada kanak-kanak. Goleman (1998), menyatakan bahawa kecerdasan emosi adalah syarat asas dalam keberkesanan kecerdasan intelek. Ini bermaksud, sekiranya bahagian otak rosak akibat kecacatan emosi, kecerdasan intelek juga tidak dapat berfungsi dengan baik. Kawalan emosi adalah sebagai “master aptitude” dan kebolehan mengawal emosi adalah sesuatu yang kritikal bagi membolehkan proses kognitif berlaku (Goleman, 1998). Manakala, menurut Mohd Azhar Abd Hamid (2005), kecerdasan emosi juga berkait rapat dengan kemahiran sosial kanak-kanak. Perkembangan emosi yang stabil itu perlu bagi menjadikan kanak-kanak lebih yakin dalam perhubungan dan interaksi sosial. Oleh itu, sebagai persediaan untuk belajar, kanak-kanak memerlukan perkembangan emosi yang stabil (Barbarin & Klein, 2002) kerana perkembangan emosi dan sosial mengiringi perkembangan kognitif kanak-kanak.

Pernyataan Masalah

Kebanyakan kanak-kanak yang memasuki prasekolah, mereka tidak mempunyai perkembangan sosioemosi dan kemahiran tingkah laku yang setara untuk pembelajaran dan kejayaan di sekolah. Terdapat kegusaran tentang semakin ramainya kanak-kanak yang menunjukkan tingkah laku bermasalah pada usia awal kanak-kanak (Squires & Brikckers 2007). Peluang pertama untuk membangunkan elemen-elemen kecerdasan emosi adalah semasa kanak-kanak itu di awal perkembangan mereka dan keupayaan ini akan terus berkembang sepanjang mendapat Pendidikan di sekolah (Alina Turcule & Cristina Tulbure, 2014). Menurut Lorita & Rohaty (2017), kesedaran guru tentang betapa pentingnya perkembangan sosioemosi terhadap kanak-kanak perlu diambil berat. Oleh itu, guru memainkan peranan yang penting dalam membantu perkembangan sosioemosi kanak-kanak (Rizalina, 2014). Walau bagaimanapun, sejauh manakah guru-guru prasekolah di Malaysia ini mampu menjalankan tanggungjawab dalam membantu perkembangan sosioemosi kanak-kanak.

Di Malaysia, kesedaran tentang kepentingan perkembangan sosioemosi yang baik pada usia muda (di bawah 5 tahun) masih kurang ditekankan. Sebaliknya perhatian lebih tertumpu kepada penguasaan membaca, menulis dan mengira sebelum mereka memasuki sekolah rendah (Suziyani, 2018). Tekanan akademik yang wujud di Malaysia telah banyak dipengaruhi oleh nilai-nilai masyarakat yang mementingkan peperiksaan dan pencapaian akademik dan ini bertentangan dengan matlamat Pendidikan prasekolah (Rohaty 2003). Ini adalah kerana keupayaan emosi itu akan diperolehi dan bergantung kepada apa yang dibentuk dan dipelajari semasa di awal perkembangan mereka (Nurul Aini & Siti Marziah, 2018). Oleh itu, bagi menyeimbangkan perkembangan kognitif dan sosioemosi, strategi pengajaran guru itu penting supaya perkembangan kanak-kanak dapat berkembang secara menyeluruh.

Bagi memenuhi tuntutan dasar baharu, Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang dilaksanakan pada tahun 2010 telah disemak semula di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan keperluan semasa (KPM 2017). Ini bagi memastikan kualiti kurikulum yang dilaksanakan di prasekolah setanding dengan standard kurikulum di peringkat antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang diterjemah dalam KSPK 2017 mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Pentaksiran. Dokumen kurikulum ini telah dinamakan sebagai Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). DSKP yang dihasilkan telah menyepadukan enam tunjang dalam kerangka KSPK 2017 iaitu Tunjang Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Sains dan Teknologi; dan Ketrampilan Diri. Tunjang Ketrampilan Diri memberi penekanan kepada perkembangan sosioemosi dan pembinaan kemahiran berinteraksi serta kemahiran

sosial dalam kalangan murid (KPM 2017). Ini menunjukkan betapa negara kita memandang serius aspek pembangunan diri yang komprehensif dalam kalangan kanak-kanak di peringkat prasekolah sebelum memasuki alam persekolahan yang sebenar. Walaupun standard kurikulum ini telah diubah kepada yang lebih baik, tetapi sejauh manakah guru-guru mampu menguasai kemahiran pengajaran sosioemosi ini. Ketiadaan data mengenai perkembangan sosioemosi kanak-kanak di Malaysia telah menyebabkan penyelidik menjalankan penyelidikan mengenainya.

Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji tentang persepsi guru prasekolah terhadap kepentingan pembelajaran sosioemosi kanak-kanak.

Objektif Kajian

1. Mengenalpasti persepsi guru prasekolah terhadap kepentingan pengajaran sosioemosi kanak-kanak.
2. Mengenal pasti perbezaan tahap persepsi guru prasekolah terhadap kepentingan pelaksanaan pembelajaran sosioemosi kanak-kanak berdasarkan pengalaman mengajar.

Persoalan kajian

1. Apakah persepsi guru prasekolah terhadap kepentingan pengajaran sosioemosi kanak-kanak?
2. Apakah terdapat perbezaan terhadap tahap persepsi guru prasekolah terhadap kepentingan pelaksanaan pembelajaran sosioemosi kanak-kanak berdasarkan pengalaman mengajar?

Hipotesis Kajian

Ho¹ : Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan antara tahap persepsi guru prasekolah terhadap kepentingan pembelajaran sosioemosi kanak-kanak berdasarkan pengalaman mengajar.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini telah membincangkan mengenai pengenalan kepada kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, tujuan kajian.

TINJAUAN LITERATUR

Perkembangan Sosioemosi Kanak-kanak

Perkembangan sosioemosi kanak-kanak merangkumi proses intrapersonal dan interpersonal mereka yang melibatkan pengalaman, ekspresi dan pengurusan emosi serta kebolehan membina hubungan yang positif yang dapat menyalurkan kebaikan kepada orang lain (Cohen, Onunaku, Clothier & Poppe, 2005). Perhubungan yang berkualiti di antara kanak-kanak dan penjaga meningkatkan kemungkinan perkembangan sosioemosi yang positif kepada kanak-kanak (Shonkoff, 2004).

Sebahagian besar pembelajaran di tahun-tahun awal kanak-kanak berlaku dalam konteks sokongan emosi (National Research Council dan Institute of Medicine, 2000). Menurut Panksepp (2001), emosi dan kognitif membentuk psikologi utama bagi kehidupan kanak-kanak. Selain itu juga, proses-proses kognitif seperti membuat keputusan dipengaruhi oleh emosi (Barret, Mesquita & Gross, 2007). Tingkah laku sosioemosi mempengaruhi kebolehan

kanak-kanak untuk bertahan dalam aktiviti yang berorientasikan pada tujuan, mencari apabila diperlukan dan mendapat manfaat dari perhubungan dengan orang dewasa.

Strategi pengajaran adalah pelan umum untuk pelajaran yang merangkumi struktur, objektif pengajaran dan garis panduan taktik yang dirancang, yang diperlukan untuk melaksanakan strategi (Stone & Morris, dalam Isaac 2010). Selain itu, Isaac (2010) menerangkan bahawa taktik pengajaran adalah tingkah laku guru yang ditunjukkannya di dalam kelas iaitu perkembangan strategi pengajaran, memberikan rangsangan yang tepat untuk respons yang tepat pada masanya, penggerudian jawapan yang dipelajari meningkatkan respons dengan aktiviti tambahan dan sebagainya.

Strategi pengajaran yang sesuai digunakan oleh guru dalam perkembangan sosioemosi kanak-kanak adalah strategi pemusatan murid. Murid memainkan peranan yang penting dalam proses pembelajaran di bawah strategi pemusatan murid. Dalam strategi ini, murid digalakkan melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pembelajaran mereka. Di dalam kelas, guru merupakan seorang pemimpin yang memandu murid menjalankan aktiviti pembelajaran, sama ada secara berkumpulan ataupun individu. Dalam strategi ini lebih banyak masa akan diperuntukkan kepada aktiviti pembelajaran murid. Kaedah kumpulan, lawatan, bermain atau main peranan adalah kaedah yang menjadi pertimbangan semasa menggunakan strategi pemusatan murid.

Ciri-ciri strategi pemusatan murid adalah dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di mana murid memainkan peranan yang penting sedangkan guru adalah sebagai pemimpin yang membimbing murid menjalankan aktiviti pembelajaran. Komunikasi dan interaksi antara guru adalah secara dua hala di mana murid bebas menyatakan pendapat mereka tanpa sebarang sekatan dari guru. Peluang interaksi di antara murid adalah lebih banyak dan sifat-sifat sosial yang positif seperti tolong menolong, bekerjasama dan bertolak ansur jelas dapat dipupuk.

METODOLOGI

Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang terdapat di Zon Selatan iaitu negeri Melaka, Johor dan Negeri Sembilan. Lokasi kajian ini dipilih kerana penyelidik mudah untuk mendapatkan data dan factor georafinya yang terletak di Zon Selatan. Penyelidik mengenal pasti sekolah berdasarkan senarai yang diperolehi daripada laman sesawang Jabatan Pendidikan Negeri.

Populasi dan Sampel

Populasi kajian ini adalah guru-guru prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di Zon Selatan iaitu seramai 1100 orang. Bilangan guru yang terdapat di negeri-negeri yang berada di Zon Selatan ialah negeri Melaka (242 orang), Johor (660 orang) dan Negeri Sembilan (198 orang). Sampel kajian adalah guru-guru prasekolah KPM negeri Melaka, Johor dan Negeri Sembilan iaitu seramai 370 orang. Penentuan saiz sampel adalah berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie & Morgan (1970). Kajian ini menggunakan teknik persampelan rawak mudah.

Instrumen Kajian

Penyelidik telah memilih soal selidik sebagai instrument kajian. Penyelidik telah mengadaptasi soal selidik berdasarkan kajian "Tahap Kesiediaan Guru Prasekolah dalam Pengajaran dan

Pembelajaran Sosioemosi” untuk menilai pemahaman dan persepsi guru prasekolah terhadap strategi pengajaran sosioemosi kanak-kanak.

Pada bahagian A, terdapat maklumat tentang demografi responden yang mengandungi empat soalan tentang latar belakang responden. Bahagian ini mengandungi empat soalan tentang latar belakang responden iaitu 1:jantina, 2:umur, 3:bangsa 4:akademik, 5:ikhtisas, 6:pengalaman mengajara. Responden dikehendaki mendakan (✓) pada pilihan jawapan. Bahagian B terdapat pernyataan tentang persepsi guru terhadap strategi pengajaran sosioemosi kanak-kanak. Bahagian ini mengandungi 11 item dan 4 konstruk utama. Responden perlu menjawab dengan cara membulatkan nombor jawapan berdasarkan tahap persetujuan yang dipaparkan dalam bentuk skala Likert iaitu 1(sangat tidak setuju), 2(tidak setuju), 3(tidak pasti), 4(setuju), dan 5(sangat setuju).

Jadual 1.0 Senarai Bahagian Konstruk dan Item dalam Soal Selidik

Bahagian	Konstruk	Bilangan Item
Bahagian A Demografi	Jantina	1
	Umur	1
	Bangsa	1
	Akademik	1
	Ikhtisas	1
	Pengalaman mengajar	1
Bahagian B Persepsi Guru Prasekolah	Strategi pengajaran	2
	Interaksi di dalam kelas	4
	Persekitaran fizikal	2
	Pengurusan dan kawalan murid	3

Kaedah Analisis Data

Semua data kuantitatif diperoleh dari Bahagian A soal selidik dianalisis menggunakan perisian *The Statistic Package for the Social Science* (SPSS). Analisis data pada bahagian ini melibatkan penggunaan statistic deskriptif. Bagi melihat aspek demografi, penyelidik menggunakan kekerapan dan peratus. Bagi menjawab persoalan kajian, penyelidik menggunakan purata min dan sisihan piawai. Bagi analisis inferensi, penyelidik menggunakan Ujian ANNOVA untuk mencari perbezaan persepsi guru terhadap kepentingan pembelajaran sosioemosi berdasarkan pengalaman mengajar.

Prosedur Pengumpulan Data

Kajian ini melibatkan 370 guru prasekolah KPM yang terdapat di Zon Selatan. Responden diberi masa satu minggu untuk menjawab soal selidik. Untuk responden yang berada di negeri Melaka, penyelidik telah mengedarkan soal selidik secara terus dengan responden. Bagi responden di Negeri Sembilan dan Johor pula, penyelidik mengedarkan soal selidik melalui aplikasi “WhatsApp” dan “Emel”. Sebelum soal selidik ditadbir, penyelidik merancang terlebih dahulu langkah-langkah pemerolehan data supaya pengurusan pengumpulan data berjalan dengan lancar dan dapat dilaksanakan pada tempoh masa yang dirancang.

DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden

Populasi dalam kajian ini terdiri daripada guru-guru prasekolah KPM di Zon Selatan. Seramai 370 orang guru prasekolah telah dijadikan sebagai sampel kajian. Profil responden di kalangan guru dihuraikan mengikut apa yang terdapat di dalam borang soal selidik.

Jadual 4.0 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut 1;jantina, 2;umur, 3;bangsa 4;kelulusan akademik tertinggi, 5;kelulusan ikhtisas dan 6; pengalaman mengajar. Bagi jantina, majoriti responden adalah perempuan iaitu seramai 353 orang dengan peratusan 95.4%. Manakala responden lelaki adalah seramai 17 orang dengan peratusan 4.6%. Bagi taburan responden mengikut umur, majoriti responden adalah berumur dalam lingkungan 31 hingga 40 tahun iaitu seramai 226 orang dengan peratusan (61.1%). Diikuti lingkungan umur 41 hingga 50 tahun seramai 103 tahun (27.8%), lingkungan umur 51 tahun ke atas seramai 22 orang (5.9%). Manakala lingkungan umur 20 hingga 30 tahun mencatatkan bilangan responden yang paling sedikit iaitu seramai 19 orang dengan peratusan (5.1%).

Bagi taburan kekerapan dan peratusan mengikut bangsa pula, majoriti responden adalah berbangsa Melayu dengan bilangan seramai 298 orang (80.5%), diikuti dengan responden berbangsa Cina seramai 43 orang (11.6%) dan bangsa India seramai 29 orang (7.8%). Taburan kekerapan dan peratusan mengikut kelulusan akademik tertinggi, majoriti responden memiliki Ijazah Sarjana Muda dengan bilangan seramai 280 orang (75.7%), diikuti dengan Ijazah Sarjana / Master seramai 32 orang (8.6%), SPM/MCE seramai 22 orang (5.9%), Diploma seramai 21 orang (5.7%) dan STPM seramai 15 orang (4.1%). Bagi taburan mengikut kelulusan ikhtisas pula, majoriti responden memiliki Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan bilangan seramai 128 orang (34.6%), diikuti dengan Kursus Diploma Pendidikan (KDPM) seramai 98 orang (26.5%), Kursus Pendidikan Lulusan Ijazah (KPLI) seramai 86 orang (23.2%) dan Sijil Perguruan seramai 58 orang (15.7%). Bagi taburan mengikut pengalaman mengajar pula, majoriti responden mempunyai pengalaman mengajar dalam lingkungan 11 hingga 15 tahun dengan bilangan seramai 141 orang (38.1%). Diikuti dengan lingkungan 16 tahun ke atas seramai 108 orang (29.2%), lingkungan 6 hingga 10 tahun seramai 92 orang (24.9%) dan diikuti dengan lingkungan 1 hingga 5 tahun seramai 29 orang (7.8%).

Jadual 5.0 Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden

Kriteria		Kekerapan (n)	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	17	4.6
	Perempuan	353	95.4
Umur	20-30 tahun	19	5.1
	31-40 tahun	226	61.0
	41 – 50 tahun	103	27.8
	51 tahun ke atas	22	5.9
Bangsa	Melayu	298	80.5
	Cina	43	11.6
	India	29	7.8
Akademik	Ijazah Sarjana/Master	32	8.6
	Ijazah Sarjana Muda	280	75.7
	Diploma	21	5.7
	SPM/MCE	22	5.9
	STPM	15	4.1

Ikhtisas	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan	128	34.6
	KPLI	86	23.2
	KDPM	98	26.5
	Sijil Perguruan	58	15.7
Pengalaman Mengajar	1-5 tahun	29	7.8
	6-10 tahun	92	24.9
	11-15 tahun	141	38.1
	16 tahun ke atas	108	29.2

Persepsi Guru Prasekolah Terhadap Strategi Pengajaran Sosioemosi Kanak-kanak
Berdasarkan jadual 6.0, jumlah keseluruhan min bagi persepsi guru prasekolah terhadap strategi pengajaran sosioemosi kanak-kanak ialah 4.41 dan sisihan piawai : 0.59 dan mempunyai interpretasi yang sangat tinggi.

Jadual 6.0 Persepsi Guru Prasekolah Terhadap Kepentingan Strategi Pengajaran Sosioemosi Kanak-kanak

Item	5 f %	4 f %	3 f %	2 f %	1 f %
Guru yang mengajar kemahiran menyelesaikan masalah mengikut emosi kanak-kanak, dapat membantu kanak-kanak mengawal emosi.	136 36.8%	218 58.9%	15 4.1%	1 0.3%	-
Aktiviti yang melibatkan interaksi antara kanak-kanak dengan kanak-kanak yang lain dapat menyokong kemahiran membina hubungan persahabatan.	204 55.1%	163 44.1%	3 0.8%	-	-
Mengamalkan interaksi dua hala antara kanak-kanak dan guru dapat membawa kepada suasana emosi kanak-kanak yang sihat.	209 56.5%	151 40.8%	10 2.7%	-	-
Guru yang menggunakan percakapan yang lemah lembut dapat menggalakkan kanak-kanak berani menyatakan emosi mereka.	167 45.1%	174 47.0%	29 7.8%	-	-
Aktiviti yang melibatkan interaksi antara kanak-kanak dengan kanak-kanak yang lain dapat menyokong kemahiran membina hubungan persahabatan.	192 51.9%	177 47.8%	1 0.3%	-	-
Menggunakan teknik memanggil nama murid dapat menggalakkan penglibatan kanak-kanak yang pendiam sewaktu menjalankan aktiviti.	167 45.1%	189 51.1%	13 3.5%	1 0.3%	-
Mewujudkan pusat-pusat pembelajaran yang ceria di dalam kelas dapat membantu perkembangan emosi kanak-kanak untuk menjadi lebih ceria.	211 57.0%	148 40.0%	9 2.4%	2 0.5%	-

Susun atur kelas yang kemas dan teratur dapat memberikan suasana yang selesa kepada emosi kanak-kanak.	230 62.2%	137 37.0%	3 0.8%	-	-
Guru yang melaksanakan aktiviti dalam kumpulan kecil dapat memberi peluang kepada kanak-kanak berinteraksi antara satu sama lain.	195 52.7%	170 45.9%	5 1.4%	-	-
Guru yang menggunakan kaedah denda dan hukuman akan dapat membentuk tingkah laku yang positif dalam diri kanak-kanak.	100 27.0%	148 40.0%	59 15.9%	51 13.8%	12 3.2%
Guru yang menggunakan kaedah ganjaran dapat memberi galakan kepada kanak-kanak untuk menjadi lebih baik.	189 51.1%	173 46.8%	8 2.2%	-	-
Jumlah min : 4.41 sisihan piawai : 0.59					

Perbezaan Terhadap Tahap Persepsi Guru Prasekolah Terhadap Kepentingan Pelaksanaan Pembelajaran Sosioemosi Kanak-kanak Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Ho¹ : Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan antara tahap persepsi guru prasekolah terhadap kepentingan pembelajaran sosioemosi kanak-kanak berdasarkan pengalaman mengajar.

Hipotesis ini bertujuan untuk melihat perbezaan antara tahap persepsi guru prasekolah terhadap kepentingan pembelajaran sosioemosi kanak-kanak berdasarkan pengalaman mengajar. Untuk menguji hipotesis ini, kaedah ANOVA digunakan. Keputusan ujian ANOVA untuk melihat perbezaan skor min ditunjukkan pada jadual dan 7.0.

Data menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min tahap persepsi guru prasekolah terhadap kepentingan pelaksanaan pembelajaran sosioemosi kanak-kanak berdasarkan pengalaman mengajar guru ($F(3,366) = 2.089$; $p > 0.05$). Persepsi guru yang berpengalaman mengajar 1 hingga 5 tahun ($M=50.14$, $SP = 4.63$), lebih tinggi berbanding dengan guru yang berpengalaman mengajar 6 hingga 10 tahun ($M=48.90$, $SP 4.82$), 11 hingga 15 tahun ($M=47.99$, $SP = 4.27$) dan 16 tahun ke atas ($M=48.58$, $SP = 4.55$).

Ini dapat disimpulkan bahawa tahap persepsi guru prasekolah berdasarkan pengalaman mengajar adalah sama atau homogen. Ini menunjukkan bahawa Ho¹ diterima di mana tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap persepsi guru prasekolah terhadap kepentingan pelaksanaan pembelajaran sosioemosi kanak-kanak berdasarkan pengalaman mengajar.

Jadual 4.16 Taburan Persepsi Guru Prasekolah Terhadap Kepentingan Pelaksanaan Pembelajaran Sosioemosi Kanak-kanak Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Pengalaman Mengajar	Bilangan (N)	Skor Min	Sisihan Piawai
1-5 tahun	29	50.14	4.63
6-10 tahun	94	48.90	4.82
11-15 tahun	139	47.99	4.27
16 tahun ke atas	108	48.64	4.55
Jumlah	370	48.58	4.55

Jadual 8.0 Ujian ANOVA Tahap Persepsi Guru Prasekolah Terhadap Kepentingan Pelaksanaan Pembelajaran Sosioemosi Kanak-kanak Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Persepsi Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan	Min Kuasa Dua	Nilai F	Signifikan
Antara Kumpulan	128.572	3	42.857	2.089	0.101
Dalam Kumpulan	7507.496	366	20.512		

PERBINCANGAN

Persepsi Guru Prasekolah Terhadap Strategi Pengajaran Sosioemosi Kanak-kanak

Kajian ini memberikan gambaran yang jelas sejauh mana persepsi guru-guru prasekolah di Zon Selatan terhadap strategi pengajaran sosioemosi kanak-kanak. Kajian ini memberikan impak yang sangat penting kepada perkembangan sosioemosi kanak-kanak di mana guru perlu tahu dan faham bagaimana mengaplikasikan strategi pengajaran sosioemosi di dalam kelas. Kajian ini menunjukkan bahawa persepsi guru prasekolah adalah pada tahap yang sangat tinggi dengan skor min = 4.41 dan sisihan piawai = 0.59. Ini menunjukkan bahawa guru-guru prasekolah memahami dan bersungguh-sungguh melaksanakan pengajaran sosioemosi kanak-kanak di dalam kelas. Dapatan ini tidak menyokong kajian yang dilakukan oleh Fauzian Kassim & Fauziah Jalal (2015) yang menyatakan bahawa kemahiran pedagogi atau kaedah penyampaian pengajaran yang kurang dikuasai oleh guru.

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa guru paling ramai bersetuju dengan item susun atur kelas yang kemas dan teratur dapat memberikan suasana yang selesa kepada emosi kanak-kanak dengan (*n*) ialah 230. Ini menunjukkan bahawa guru-guru percaya dan sangat menitikberatkan susun atur kelas yang kemas supaya emosi kanak-kanak berada dalam keadaan stabil. Ini adalah kerana sebahagian besar dari masa kanak-kanak dihabiskan dalam persekitaran bilik darjah dan kualiti persekitaran bilik darjah adalah sangat penting (Noraini et al., 2013). Kemudahan fizikal yang bersesuaian dan selesa akan merangsang aktiviti intelektual dan meningkatkan hubungan sosial, menggalakkan pembelajaran dan pembangunan pelajar serta menghadkan tingkah laku negative dalam kalangan pelajar (Azri, 2003). Hal ini akan menjadikan pengajaran dan pembelajaran berlaku dalam keadaan yang selesa dan menyeronokkan (Che Nidzam et al., 2010).

Item yang paling sedikit bilangan guru yang sangat bersetuju ialah “Guru yang menggunakan kaedah denda dan hukuman akan dapat membentuk tingkah laku yang positif dalam diri kanak-kanak” dengan (*n*) ialah 100. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan guru-guru tidak percaya dan menafikan bahawa kaedah denda dan hukuman adalah jalan terbaik untuk membentuk tingkah laku yang positif. Ini bertepatan dengan kajian yang menunjukkan bahawa wujudnya hubungan yang negatif antara pukulan dan pembangunan sosioemosi kanak-

kanak (T Pace, J Lee & Kaylor, 2019). Ini menunjukkan bahawa pukulan atau rotan bukanlah satu kaedah dendaan atau hukuman yang baik kepada kanak-kanak. Emosi kanak-kanak akan mudah terganggu jika diri mereka sering didenda atau dihukum.

Perbezaan Terhadap Tahap Persepsi Guru Prasekolah Terhadap Kepentingan Pelaksanaan Pembelajaran Sosioemosi Kanak-kanak Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan pada aras $p > 0.05$ bagi persepsi guru prasekolah terhadap kepentingan pelaksanaan pembelajaran sosioemosi kanak-kanak berdasarkan pengalaman mengajar. Ini menunjukkan bahawa tahap persepsi guru prasekolah terhadap kepentingan pelaksanaan pembelajaran sosioemosi tidak dipengaruhi oleh tempoh pengalaman mengajar guru-guru tersebut. Walaupun pengalaman guru adalah berbeza-beza, tetapi mereka mempunyai persepsi yang sama terhadap kepentingan pembelajaran sosioemosi ini.

Dalam kajian Robiah Sidin (2000), mengatakan bahawa seorang guru yang melaksanakan kurikulum mestilah seorang yang telah bersedia dengan ilmu pengetahuan yang cukup sebelum menjalankan tanggungjawab sebagai seorang pendidik. Faktor pengalaman mengajar merupakan pengetahuan yang dibentuk oleh interaksi antara faktor-faktor persekitaran kerja. Tempoh dan kekerapan melalui tugas pengajaran sama ada berjaya atau sebaliknya, sedikit demi sedikit membina pengetahuan dan kemahiran profesion yang diperlukan.

Pengalaman mengajar guru adalah sesuatu yang sangat berharga di mana melalui pengalaman, mereka dapat memperbaiki kaedah dan strategi pengajaran mereka berdasarkan kepada tahap perkembangan kanak-kanak. Dalam kajian ini, walaupun mereka mempunyai pengalaman mengajar yang singkat antara 1 hingga 5 tahun, guru-guru tetap menekankan tentang kepentingan pelaksanaan pembelajaran sosioemosi. Ini menunjukkan bahawa walaupun pengalaman guru itu kurang, ilmu pengetahuan berkenaan dengan perkembangan sosioemosi telah diambil peduli dan diselidiki oleh guru-guru. Ini adalah kerana guru sangat menitikberatkan perkembangan sosioemosi kanak-kanak kerana sosioemosi yang baik dapat membantu kanak-kanak untuk merasa lebih yakin pada diri sendiri dalam mengembangkan hubungan, membina persahabatan, menyelesaikan konflik, bertahan ketika menghadapi konflik, sifat marah, kecewa dan menguruskan emosi (Parlakian 2003; Shonkoff & Philips 2000).

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, pelaksanaan pembelajaran sosioemosi di kelas prasekolah bergantung sejauh mana kefahaman guru dalam melaksakannya. Perkembangan sosioemosi kanak-kanak yang baik akan terbentuk melalui perancangan guru dalam melaksanakan aktiviti dan program yang menyeronokkan di dalam kelas prasekolah. Kreativiti guru dalam menggabungkan teknik dan pendekatan dalam PdP dapat mewujudkan suasana yang menyeronokkan dan bermakna kepada kanak-kanak.

Kepakaran diperlukan untuk menjalankan aktiviti berkaitan perkembangan sosioemosi. Persediaan yang dirancang perlu dilaksanakan dengan sempurna bagi menarik minat dan kesediaan belajar kanak-kanak. Kebolehan guru dalam mengaplikasikan pembelajaran sosioemosi memerlukan kefahaman yang jitu dari segi menguasai teori, pengetahuan dan aplikasi dalam pendidikan awal kanak-kanak. Oleh itu, guru memerlukan latihan seperti kursus, bengkel yang bersesuaian dan bertepatan dengan falsafah dan matlamat prasekolah. Pemahaman kurikulum, kaedah pengajaran dan pembelajaran, pengurusan mikro, psikologi kanak-kanak dan pengurusan tingkah laku kanak-kanak antara bentuk latihan yang boleh

diberikan kepada guru prasekolah. Dengan adanya proses bimbingan dan penyeliaan serta program khusus seperti kursus perkhidmatan akan mewujudkan mutu pengajaran dan pembelajaran yang baik.

Pelaksanaan dan keberkesanan pembelajaran sosioemosi di kelas prasekolah boleh dipertingkatkan sekiranya kekangan terhadap pelaksanaan dasar ini dapat diatasi dan diperbaiki oleh semua pihak yang terlibat. Kredibiliti serta kehebatan guru-guru prasekolah dalam menjalankan tugas amat dihargai kerana pencapaian kanak-kanak bukan sahaja bergantung kepada kanak-kanak itu sendiri, tetapi juga bergantung kepada ibu bapa serta seluruh warga sekolah. Oleh itu, pengetahuan dan kefahaman semua pihak itu penting agar perkembangan sosioemosi kanak-kanak sentiasa berkembang dengan baik. Semoga cadangan yang dikemukakan dapat diaplikasikan ke dalam pendidikan prasekolah hari ini dan masa akan datang kerana iaitu adalah penting dalam melahirkan generasi perintis yang seimbang pada masa hadapan.

RUJUKAN

Alina Turcule & Cristina Tulbure. 2014. The relation between the emotional intelligence of parents and children. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 142 : 592 – 596.

Bahagian Pembangunan Kurikulum. 2009. Dokumen Standard Prasekolah : Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia.

Barret t, Mesquita, Ochsner & Gross. 2007. The experience of emotion. *Annual Review of Psychology* 58 : 373-403.

Che Nidzam Che Ahmad, Kamisah Osman & Lilia Halim. 2010. Physical and psychosocial aspect of science laboratory learning environment. *Procedia social and Behavioral Sciences Journal*, 9, 87-91.

Che Nidzam Che Ahmad, Kamisah Osman & Lilia Halim. 2010. Hubungan ramalan persekitaran pembelajaran makmal Sains dengan tahap kepuasan pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2), 19-30.

Cohen, E. & Kaufmann, R. 2005. *Early childhood mental health consultation*. Washington, DC : Center for mental Health Services of the Substance Abuse and Mental Health Services Administration and the Georgetown University Child Development Center.

Goleman, D. 1998. *Working with emotional intelligence*. New York : Bantam Books.

Mohd Azhar Abd Hamid. 2005. *EQ : Panduan Meningkatkan Kecerdasan Emosi*. Bentong : PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.

National Research Council & Institute of Medicine. 2000. *From neurons to neighborhoods : The science of early childhood development*. J.P. Shonoff & D. A Philips (Eds.) Washington, DC : National Academics Press.

Nooraini Othman & Salasiah Khairollah. 2013. Explorasi Hubungan Antara Personaliti Islamik Dan Gaya Keibubapaan. *International Journal Of Islamic Thought*, 4:48-57

Panksepp, J. 2001. The Long-Term Psychological Consequences of Infant Emotions : rescriptions for the Twenty-First Century. *Infant Mental Health Journal* 22(1-2) : 132-73.

Perlakuan R, (Ed.). 2003. *Reflective supervision in practice : Stories from the field*. Washington, DC : Zero to Three.

Rohaty Mohd Majzub. 2003. Pendidikan Prasekolah : Cabaran Kualiti (Syarahan Perdana). Bangi : Malindo Sdn. Bhd.

Sanoff, H. (2000). *Community participation methods in design and planning*. New York: Wiley.

Shonkoff, J.P. 2004. *Science, Policy and The Developing Child : Closing the Gap Between What We Know and What We Do*. Washington, DC : Ounce of Prevention Fund.

Squires, J. and D. Bricker, 2007. *An Activity Based Approach to Developing Young Children's Social and Emotional Competence*. Paul Brookes Publishing, Baltimore MD

Suziyani Mohamed, Hasnah Toran. 2018. Family Socioeconomic Status and Social-Emotional Development among Young Children in Malaysia. *Journal of Applied Science*. 122-128.